

Saudi iktiraf sistem urus jemaah haji kita

Oleh ROSALINDA MD.SAID
utusananganu@utusan.com.my

■ KUALA NERUS 10 OKT.

KERAJAAN Arab Saudi mengiktiraf sistem pengurusan jemaah haji Malaysia yang dikendalikan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) sebagai model terbaik yang perlu dicontohi negara lain.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki berkata, pengiktirafan yang diberikan Pemerintah Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz al-Saud itu bertitik tolak daripada perkhidmatan holistik dan komprehensif yang disediakan Tabung Haji sekali gus melancarkan urusan menunaikan rukun Islam kelima di tanah suci Mekah.

“Saya mewakili kerajaan Malaysia serta semua perwakilan negara yang lain telah menghadap Raja Salman pada hari kedua di Mina dan ketika itulah beliau memuji sistem pengurusan jemaah haji Malaysia yang sangat teratur, tertib dan berdisiplin.

“Rata-rata media di sana juga memberi liputan luas tentang pentadbiran cemerlang Tabung Haji yang disifatkan mereka merangkumi semua aspek daripada penginapan, makan minum, kesihatan, kewangan dan lain-lain. Pendek

kata, jemaah haji kita perlu memfokuskan kepada ibadah sahaja,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Seminar al-Quran Dalam Masyarakat Kontemporari Peringkat Antarabangsa di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di sini hari ini.

Menurut Asyraf Wajdi, walaupun terdapat beberapa permasalahan yang timbul termasuk kes jemaah haji hilang atau tersesat di Mina, namun ia dapat diselesaikan segera oleh 585 petugas Tabung Haji.

Dalam perkembangan sama, beliau mengingatkan umat Islam di negara ini agar tidak menyebarkan sebarang berita mahupun maklumat berkaitan tanah suci Mekah yang diterima menerusi laman sosial tanpa usul periksa.

Katanya, tindakan tidak bertanggungjawab yang membuat andaian dan spekulasi terhadap sesuatu kejadian hanya memudaratkan situasi sehingga boleh menimbulkan fitnah dan ketidaktenteraman ramai.

“Banyak berita palsu misalnya tentang kebakaran bangunan yang besar, kes 28 petugas haji dipan-cung kerajaan Arab Saudi serta rumah pelacuran di Mekah dan kesemua maklumat itu bukan disebarkan oleh orang bukan Islam sebaliknya oleh umat Islam sendiri,” katanya.



Pengiktirafan yang diberikan Pemerintah Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz al-Saud itu bertitik tolak daripada perkhidmatan holistik dan komprehensif yang disediakan Tabung Haji.”

ASYRAF WAJDI DUSUKI
Timbalan Menteri
di Jabatan Perdana Menteri